

Kesultanan.

Kemampuan pucuk pimpinan DUN Lepar itu diterjemahkan dengan peningkatan taraf hidup masyarakat, masing-masing di tujuh rancangan Felda dan taman perumahan termasuk enam kampung tradisional yang menimati pelbagai kemudahan yang diperlukan.

Selain menerima rumah Projek Perumahan Rakyat Termiskin (PPRT), golongan kurang berkemampuan juga turut menerima bantuan kewangan membaki rumah dan kemudahan lain.

Dalam bidang pendidikan, selain menerima bantuan Yayasan Pahang (YP) pelajar juga turut menerima pelbagai bantuan lain sebagai usaha menggalakkan mereka mencatat keputusan cemerlang dalam pelajaran.

Sejak dua tahun lalu (2006/2007) seramai 80 pelajar DUN Lepar yang berjaya mencatat keputusan 5A dalam peperiksaan Ujian Pencapaian Sekolah Rendah (UPSR) menerima basikal sebagai hadiah kecemerlangan akademik.

Kemuncak kepada imej terbilang DUN Lepar ialah apabila menerima kun-



PENGHARGAAN: Ahmad Tajuddin (kanan) menyampaikan basikal kepada pelajar yang mendapat 5A dalam UPSR.



Keselamatan Rancangan (JKKR) dan Kawasan Rukun Tetangga (KRT).

Katanya, keharmonian dan muafakat antara kaum juga berjaya meletakkan DUN Lepar pada kedudukan terbaik apabila menerima jumlah undi terbanyak di peringkat negeri pada dua pilhan raya sebelum ini.

Program penyatuan antara kaum Melayu, Cina, India dan Orang Asli dilakukan dari semasa ke semasa bagi memastikan semangat muhibah dapat dipelihara demi keselamatan dan keamanan negara.

"DUN Lepar dianggap unik terutama dengan ada empat kaum utama di negara ini iaitu Melayu, Cina, India dan Orang Asli yang dapat hidup dan menikmati kemudahan yang disediakan kerajaan secara bersama.

"Keadaan sedemikian berjaya meletakkan DUN Lepar pada kedudukan terbaik tanpa perasaan iri hati dan permusuhan," katanya yang akan sentiasa berusaha memastikan rakyat berada dalam keadaan selesa dan memuaskan.

jungan mahasiswa kampus Universiti Malaysia Pahang (UMP), Kolej Komuniti Paya Besar dan Kolej Matrikulasi di Gambang.

Sekolah Sukan yang kini dalam proses pembinaan akan lebih memantapkan imej kawasan Gambang yang akan dinobatkan sebagai pusat pendidikan bertaraf antarabangsa di negeri ini.

Golongan Orang Kurang Upaya (OKU) dan masyarakat Orang Asli tidak pernah dipinggirkan apabila sekolah golongan berkenaan di Felda Lepar Hilir Satu dan pusat kemajuan Orang Asli di Paya Bungor menerima

pelbagai kemudahan.

Pendidikan agama turut menjadi tumpuan apabila setiap taman perumahan, kampung tradisional dan rancangan Felda didirikan Sekolah Agama Rakyat (SAR) dan Kafa.


Tajuddin berkata, usaha membela nasib rakyat sememangnya diberi keutamaan bagi mengotakkan janji selain tanggungjawab seorang wakil rakyat yang sentiasa menghambakan diri kepada rakyat.

"Walaupun pelbagai kemajuan berjaya dinikmati oleh rakyat di Felda, taman perumahan dan kampung tradi-

sional dan secara ikhlasknya saya masih tidak berpuas hati dengan apa yang diterima.

"Sehubungan itu, saya akan terus menyalurkan apa juga kemudahan yang diperlukan oleh rakyat yang begitu mengharapkan sentuhan keramat daripada wakil rakyat yang mereka pilih," katanya yang berusaha mencorak pembangunan nasional.

Beliau berkata, usaha menyulurkan kemajuan yang diinginkan rakyat sukar dilakukan tanpa sokongan padu daripada Jawatankuasa Kemajuan dan Keselamatan Kampung



SUMBER MODAL INSAN: Kanak-kanak berpeluang mendalami ilmu agama di SAR Kampung Mahkota.



DALAM PROSES: Sekolah Kebangsaan Mahkota di DUN Lepar kini dinalikkan taraf.